

Pinjaman beli rumah dibekuk?

BM 19 OCT 1986

KUALA LUMPUR, Sabtu — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membayangkan kemungkinan kerajaan membekukan pinjaman perumahan dan kenderaan kepada kakitangannya dalam usaha negara mengatasi masalah kewangan dan menghadapi kelembapan ekonomi.

Perdana Menteri berkata: "Saya tidak menolak kemungkinan ini. Tetapi saya percaya, pengumuman akan dibuat ketika peruntukan belanjawan negara 1987 dibentangkan di Dewan Rakyat tidak lama lagi."

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kemungkinan itu di sidang akhbarinya selepas memengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno, di sini hari ini.

Sama ada peruntukan perbelanjaan oleh kerajaan-kerajaan negeri akan dihadkan, Presiden Umno itu berkata kerajaan sudah mengurangkan perbelanjaan itu dengan banyaknya dan berpendapat potongan berkenaan adalah besar.

"Kita akan mengurangkan perbelanjaan supaya ia tidak memaksa kerajaan meminjam terlalu banyak. Perkara yang penting sekali ialah menentukan penguurusan harian tidak diblaial oleh pinjaman," tegasnya.

Menurutnya, dasar dan tindakan kerajaan, terutama mengenai kedudukan politik dan ekonomi negara akan diperjelaskan kepada pemimpin dan pegawai kerajaan serta ahli-ahli Umno peringkat negeri di semua negeri tidak lama lagi.

Serentak itu, beliau akan melawat semua ne-

geri mulai 30 Oktober ini untuk tujuan itu. Negeri pertama yang akan dilawatnya ialah Kedah dengan diikuti Terengganu, manakala tarikh lawatan ke negeri-negeri lain belum diputuskan.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, dalam lawatan itu beliau akan menemui semua pemimpin Umno peringkat negeri, termasuk Ketua-Ketua Bahagian serta pegawai tertinggi kerajaan dan pemimpin parti-parti komponen Barisan Nasional (BN).

Tertutup

"Kebanyakan perjumpaan akan diadakan secara tertutup kerana kita mempunyai beberapa perkara mengenai urusan parti yang perlu dibincangkan. Saya juga akan menjelaskan kedudukan ekonomi negara kepada pegawai kerajaan, ahli Exco dan anggota parti.

"Kalau ada soalan mengenai kedudukan politik, ekonomi dan dasar negara, saya perlu membuat penjelasan sendiri kerana didapati ada perkara yang tidak difaham sepenuhnya di peringkat negeri.

"Masih ada pihak-pihak yang memandang ringan masalah ekonomi dan ini semua perlu diberi penjelasan kerana kita tidak dapat mengatasi masalah dalam negara kalau tidak ada tindakan serentak oleh semua kerajaan negeri," katanya.

Perdana Menteri berkata, perkara-perkara yang akan diperjelaskan itu, termasuklah mengenai pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) seperti ditimbulkan oleh ramai pemimpin politik baru-baru ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, dalam mesyuarat kira-kira tiga jama itu, beliau juga menerangkan rancangan kerajaan mengenai Kem Latihan seperti yang dikemukakan dalam ucapannya di Perhimpunan Agung Umno ke-37 baru-baru ini.

"Saya sudah menerangkan kedudukan ekonomi negara dan betapa pentingnya semua pihak membuat pengorbanan dan mengurangkan perbelanjaan supaya kita dapat mengatasi tekanan ekonomi yang dihadapi sekarang," ularnya.